

D344

B B685 AAB  
MAHATHIR - TORNADO R'R'R'R'

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA MUNGKIN MEMILIH PESAWAT YANG LEBIH MURAH SEKIRANYA CADANGAN PEMBELIAN JET PEJUANG TORNADO DARI BRITAIN DIGUGURKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEDANG MENGAJAI SEMULA PEMBELIAN PESAWAT TORNADO MEMANDANGKAN HARGANYA TERLALU MAHAL DAN CANGGIH.

BAGAIMANAPUN, KEPUTUSAN MENGENAINYA BELUM DIBUAT KERANA KERAJAAN SEDANG MEMIKIRKAN SAMA ADA NEGARA BENAR-BENAR MEMERLUKAN PESAWAT TORNADO, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENINJAU PERSIAPAN UPACARA PERASMIAN SIDANG KEMUNCAK KUMPULAN 15 DI DEWAN BANKUASI BANGUNAN PARLIMEN, DI SINI.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA KERAJAAN MEMBELI PESAWAT YANG LEBIH MURAH DAN KURANG CANGGIH, IA AKAN DIBELI DARI BRITAIN DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU), YANG DITANDATANGANI OLEH KEDUA-DUA NEGARA DUA TAHUN LEPAS.

+OLEH KERANA KITA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN KERAJAAN BRITISH, KITA PERLU MENUKAR KEPADA PESAWAT LAIN, YANG JUGA DARI BRITAIN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI  
1349MST 25 05 90

U B687 AAB  
MAHATHIR - TORNADO 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MEMILIH JET PEJUANG/LATIHAN JENIS +HAWK+ UNTUK MENGGANTIKAN PESAWAT TORNADO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +MUNGKIN HAWK+.

CADANGAN PEMBELIAN 12 PESAWAT TORNADO BERNILAI M\$1.8 RIBU JUTA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PEMBELIAN SENJATA BERNILAI M\$4.5 RIBU JUTA DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ITU.

LAPORAN AKHBAR DARI LONDON SEBELUM INI MENYEBUT BAHAWA BRITISH AEROSPACE, RAKAN KONGSI BRITAIN DALAM PROJEK TORNADO YANG TURUT MELIBATKAN JERMAN DAN ITALI, SEDANG BERUNDING DENGAN MALAYSIA BAGI PENJUALAN 20 PESAWAT HAWK.

BELIAU BERKATA, PEMBELIAN PESAWAT BARU ITU KELAK AKAN DIBUAT MELALUI RUNDINGAN DENGAN KERAJAAN BRITISH DAN BUKAN SECARA LANGSUNG DENGAN SYARIKAT PEMBUAT PESAWAT BERKENAAN.

+DAHULUNYA KITA BANYAK DIKRITIK KERANA MEMBELI SECARA LANGSUNG DARIPADA SYARIKAT... KONONNYA ADA PENYELEWENGAN APABILA MEMBELI CARA ITU,+ KATANYA.  
-- LAGI.

1403MST 25 05 90

U B689 AAB  
MAHATHIR - TORNADO 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, WALAUPUN KERAJAAN BRITISH BUKAN PEMBUAT PERALATAN ITU, BRITAIN MEMPUYAI BANYAK SYARIKAT MILIK KERAJAAN YANG MEMBEKALKAN PERALATAN YANG AKAN DIBELI.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEKIRANYA ADA PIHAK MENUDUH KONONNYA ADA PENYELEWENGAN DALAM PEMBELIAN MELALUI RUNDINGAN ANTARA KERAJAAN, MAKA IA JUGA AKAN MELIBATKAN KERAJAAN BRITISH.

KATANYA, BELIAU TIDAK FAHAM MENGAPAKAH BANYAK TUDUHAN DIBUAT BERHUBUNG PEMBELIAN PESAWAT ITU DAN BERPENDAPAT PIHAK BERKENAAN HANYA MAHU Mencari KESALAHAN ORANG LAIN.

SEMASA DITANYA PULA MENGENAI BAKAL CALON TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT YANG BARU, PERDANA MENTERI BERKATA, PEMILIHAN CALON ITU AKAN DIBUAT DENGAN PERSETUJUAN KESEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

TAMBAH BELIAU, NAMA CALON ITU AKAN DIBERITAHU PADA SUATU MASA KELAK. -- LAGI.

1407MST 25 05 90

U B690 AAB  
MAHATHIR - TORNADO 4 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA CALON ITU AKAN DIPILIH DARI PARTI MCA, BELIAU BERKATA, SOAL DARI PARTI MANAKAH CALON ITU AKAN DIPILIH ADALAH TIDAK PENTING KERANA DIA DIANGGAP SEBAGAI MEWAKILI BN.

JAWATAN ITU DIKOSONGKAN OLEH ANGGOTA PARLIMEN KAPAR, ENCIK D.P.VIJANDRAN DARI MIC EKORAN DAKWAAN BAHAWA BELIAU TERLIBAT DALAM SKANDAL VIDEO LUCAH. -- BERNAMA.

1410MST 25 05 90